

# PREVENT 2015 beri kesedaran bahaya dadah

Oleh FARABI  
SHEIKH SAID AL JABRI  
utusanN9@utusan.com.my

■ SEREMBAN 24 NOV.

USAHA bagi menyedarkan masyarakat mengenai bahaya dadah terus dimainkan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menerusi penganjuran Seminar Antarabangsa Pencegahan Dan Rawatan Pemulihan Dadah 2015 (PREVENT 2015) di Langkawi, Kedah. Program anjuran Pusat Penye-

lidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA) dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar, Hal Ehwal Masyarakat Cina, Kesihatan dan Perpaduan negeri, Datuk Dr. Leong Yong Kong negeri Kedah hari ini.

ACREDA dalam satu kenyataan memberitahu, pihaknya mengambil inisiatif untuk menganjurkan PREVENT pada tahun ini sebagai usaha pencegahan yang berstrategik dan pemulihan yang holistik.

"Seminar ini melibatkan seramai 200 orang peserta yang terdiri

daripada kakitangan pusat-pusat pemulihan dadah di seluruh negara selain melibatkan beberapa agensi berkaitan.

"Seminar ini memberi ruang dan peluang kepada tenaga pakar dan profesional dari dalam dan luar negara untuk berkongsi idea dan maklumat mengenai isu-isu berkaitan pencegahan dan perkhidmatan pemulihan dadah," katanya.

Yang turut hadir adalah Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad; Ketua Pengarah Jabatan Penjara, Datuk Seri Zulki-

fli Omar dan Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Datuk Suhaimi Abdullah.

Katanya, PREVENT 2015 merupakan satu jambatan mempertemukan pelbagai pihak berkepentingan untuk menjana satu jalinan kerjasama ilmu serta pengalaman yang akan menyumbang kepada negara dalam memerangi masalah dadah.

Justeru, katanya, kaedah pelaksanaan rawatan pemulihan dadah yang berkesan serta cekap akan dapat membantu negara memerangi musuh nombor satu ini.



LEONG YONG KONG (tengah) bersama Musa Ahmad (tiga dari kanan), Zulkipli Omar (dua dari kiri) dan Suhaimi Abdullah (dua dari kanan) dalam Seminar Antarabangsa Pencegahan Dan Rawatan Pemulihan Dadah 2015 (PREVENT 2015) di Langkawi, Kedah, baru-baru ini.